

TEKS UCAPAN

**YAB DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN
MENTERI BESAR
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**SEMPENA
PERHIMPUNAN PENTADBIRAN DAERAH
JELEBU TAHUN 2019**

**TEMPAT : DEWAN BESAR GEMAS, GEMAS
PADA : 03 MEI 2019 (JUMAAT)
MASA : 08.00 PAGI**

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
dan Salam Bersih, Muafakat, Sejahtera.**

Terima kasih Pengacara Majlis

YB Dato' Dr. Razali Abdul Malik

Setiausaha Kerajaan Negeri

YB Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

Encik Wan Mud Shardiwan Wan Dahalan

Timbalan Pegawai Daerah Jelebu

Ketua-ketua Jabatan Pentadbiran Daerah Jelebu

**Tuan-tuan dan Puan-puan Penjawat Awam yang
saya hormati Sekalian,**

1. Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia serta izin-Nya dapat kita semua bertemu di **Dewan D'Sury, Kuala Klawang** pada pagi Jumaat yang penuh barakah ini bersempena **Perhimpunan Pentadbiran Daerah Jelebu Tahun 2019**. Ini merupakan perhimpunan bulanan pentadbiran daerah yang ke empat dilaksanakan selepas Kuala Pilah, Seremban dan Tampin.

2. Syabas diucapkan kepada YB Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan dan Timbalan

Pegawai Daerah serta pihak jawatan kuasa yang menjadi tulang belakang menjayakan perhimpunan bulanan ini. Selain menyantuni penjawat awam, perhimpunan sebegini juga merupakan landasan untuk saya berkongsi maklumat mengenai perkembangan di Negeri Sembilan untuk tuan-tuan sampaikan ke peringkat akar umbi.

3. Tidak terlewat rasanya, untuk saya mengucapkan Selamat Hari Pekerja kepada semua penjawat awam di sini. Saya percaya, penjawat awam di sini telah pun menghayati tema Sambutan Hari Pekerja 2019 iaitu

'Pekerja Amanah, Aspirasi Negara'.

4. Sesungguhnya, kehadiran semua warga penjawat awam bagi menjayakan majlis pada pagi ini melambangkan komitmen semua jabatan dan agensi kerajaan dalam menyokong penuh kepimpinan Kerajaan Negeri untuk mencapai satu matlamat yang sama iaitu mensejahterakan kehidupan rakyat.

Beras di bujam sudah diikat,

Lalu disimpan di atas para,

Penjawat awam sama muafakat,

Negeri mampan rakyat sejahtera.

Penjawat Awam Dikasihi Sekalian,

5. Jelebu merupakan daerah kedua terluas di Negeri Sembilan dan mempunyai **Dato' Undang**. Saya mewakili pimpinan negeri ingin mengucapkan tahniah kepada kepimpinan **Adat di Luak Jelebu** kerana **Istiadat Menghadap Bagi Menzahirkan Kejadian Undang Luak Jelebu yang ke-16** iaitu **Yang Teramat Mulia Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman Dato' Maarof Mohd Rashad** telah pun berjaya disempurnakan dengan jaya pada **4 April 2019** yang lalu di **Istana Besar Seri Menanti**.

6. Saya percaya mungkin ada dalam kalangan penjawat awam yang hadir pada hari ini, merupakan **buapak** ataupun **jurai** yang mewakili suku-suku di Luak Jelebu ini. Saya menyeru penjawat awam di sini, berpeganglah kepada titah ucapan **Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir** pada **4 April** lalu untuk sama-sama membantu **Yang Teramat Mulia Dato' Undang Luak Jelebu** mengembalikan keharmonian perjalanan adat

di kalangan rakyat di Luak Jelebu. Peliharalah tali persaudaraan dan hubungan baik antara satu sama lain ibarat bercincang berlandasan, melompek bertumpuan, air dicincang tidak akan putus.

7. Bagi pihak Kerajaan Negeri Sembilan, saya telah pun menyediakan peruntukan **RM500,000** bagi program memperkasakan budaya dan Adat Perpatih di Negeri Sembilan yang diselaraskan oleh Lembaga Muzium Negeri Sembilan. Lima (**5**) teras dana telah diperkenalkan untuk memperkasa Adat Perpatih yang melibatkan **15 Luak** termasuk

Luak Jelebu ini iaitu :

Pertama : Kepimpinan

Kedua : Program Keilmuan

Ketiga : Mewujudkan Kelab Adat Perpatih

Keempat : Olek Adat

Kelima : Membina Papan Tanda

Sempadan Luak-Luak

8. Saya telah meneliti jawapan yang diberikan di dalam **Sesi Pertanyaan & Jawapan Lisan Hari Kedua, Persidangan Pertama, Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Sembilan**

pada 24 April yang lalu mendapati belum ada program memperkasa Adat Perpatih di Luak Jelebu ini. Saya menyeru supaya penjawat awam di daerah ini dapat turut serta memperkasa Adat Perpatih di luak ini seperti yang disebut:

Adat ini tak lekang dek panas,

Tak lapuk dek hujan,

Gemuk berpupuk segar bersiram,

Dianjak layu dicabut mati.

9. Justeru, menjadi tanggungjawab tuan-tuan dan puan-puan selaku penjawat awam untuk kreatif memperkenalkan keunikan adat budaya, warisan dan peninggalan sejarah. Di samping itu, keindahan semula jadi Daerah Jelebu yang terkenal dengan kekayaan biodiversiti ekopelancongan yang mampu berkembang lebih pesat di peringkat domestik dan antarabangsa hendaklah dipromosikan dengan lebih kreatif supaya lebih ramai pelancong dari luar dan dalam negara datang ke daerah ini.

10. Walaubagaimanapun, strategi untuk memperkasakan pengurusan mampan sumber alam dan biodiversiti harus diteliti. Setiap projek pembangunan yang dirangka di daerah ini wajar mengambil kira Penilaian Kesan Alam Sekitar ataupun ***Environmental Impact Assessment (EIA)*** dan Penilaian Impak Sosial ataupun ***Social Impact Assessment (SIA)***. EIA dan SIA ini penting untuk mempertingkatkan manfaat penduduk sekitar tetapi tidak merosakkan alam semula jadi selaras dengan hasrat saya untuk penjawat

awam meningkatkan usaha Memperkaya Hasil,
Memakmurkan Kekayaan.

11. Jelebu juga dianugerahkan dengan permukaan bumi berbukit bukau terutamanya di kawasan sebelah utara yang merupakan penghujung jajaran Banjaran Titiwangsa. Bentuk muka bumi ini menjadikan Jelebu sebagai Jajaran Emas Eko-Pelancongan.
12. Saya difahamkan ramai pelancong tempatan dan antarabangsa gemar bertandang di Jelebu untuk merasai sendiri produk pelancongan sedia ada seperti **Taman Negeri**

Kenaboi, Lata Kijang yang mempunyai **Gunung Besar Hantu, Gua Semong** serta **Gua Harimau; Air Terjun Jeram Toi** yang dikelilingi hutan jenis **Dipterokarpa Bukit, Glamping @Kong Koi, Muzium Adat, Titi Eco Farm** dan juga rumah inap desa kelapan yang diwujudkan di Negeri Sembilan, iaitu **Homestay Klawang.**

13. Sebenarnya, dalam **Pembentangan Belanjawan 2019 Kerajaan Negeri Sembilan**, saya tidak pernah melupakan Daerah Jelebu. Kerajaan Negeri Sembilan telah memperuntukan **RM0.98 juta** untuk menaik

taraf kemudahan infrastruktur dan **Denai Taman Negeri Kenaboi**. Peruntukan pembangunan pelancongan lain yang disalurkan melalui Majlis Daerah dan Pejabat Daerah berjumlah **RM130,000** untuk menaik taraf kemudahan dan meningkatkan keindahan dan infrastruktur di kawasan rekreasi **Jeram Toi**. Dengan adanya peruntukan ini, eko-pelancongan di Jelebu bukan sahaja dapat dirasai oleh penduduk sekitar malah menggamit para pelancong luar untuk hadir.

14. Saya juga bersyukur dengan perancangan Kerajaan Persekutuan berkaitan

jajaran baru **Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL)** yang merentasi **Pekan Kuala Klawang**. Laluan ECRL ini dilihat mampu untuk meningkatkan lagi limpahan ekonomi penduduk setempat. Secara tidak langsung, saya yakin Daerah Jelevu akan berubah wajah dan seterusnya akan menerima impak pembangunan sekaligus merancakkan aktiviti perniagaan, sektor pelancongan serta perkhidmatan.

15. Sehubungan itu, saya mahukan semua penjawat awam terutamanya di Daerah Jelevu ini, agar mengambil tindakan proaktif untuk

mencadangkan perancangan melaksanakan infrastruktur dan aktiviti pembangunan yang lain dalam persiapan pelaksanaan ECRL ini. Saya yakin projek ini turut memberikan limpahan ekonomi kepada Daerah Jelebu dan juga Negeri Sembilan.

16. Saya difahamkan beberapa program telah dijalankan oleh pelbagai agensi seperti **Program Plogging, 2 Wheels Festival Daerah Jelebu, Pesta Mengemping dan Eco Ride 2019** di daerah ini. Program-program sebegini mampu menarik pelancong dari luar

Negeri Sembilan untuk turut serta. Selain itu, satu **Ceramah Perdana Di Ambang Ramadhan** yang disampaikan oleh **Dato' Dr. Fadzilah Kamsah** baru-baru ini turut dihadiri oleh **Yang Teramat Mulia Dato' Undang Luak Jelebu**. Tahniah saya ucapkan kepada semua yang menjayakan program kerakyatan seperti ini.

17. Di Jelebu juga kaya dengan produk makanan. Kalau di Tampin pada bulan yang lalu, saya telah merasai **Satay Cendawan**. Begitu juga di Jelebu memang terkenal dengan

Sate Tulang. Selain tu, Jelebu juga terkenal dengan buah-buahan tempatan lebih-lebih lagi dalam pengeluaran **Durian Musang King, D101, Durian Kampung** dan **Nanas CCRC.**

Tuan-tuan dan Puan-puan yang budiman,

18. Baru-baru ini juga kita ditularkan dengan penggunaan teknologi Generasi Kelima atau lebih dikenali sebagai teknologi **5G**. Saya percaya penggunaan teknologi itu juga akan memberi kesan khususnya dalam corak hidup masyarakat termasuk tuan-tuan dan puan-puan sebagai penjawat awam. Oleh itu, kita

semua perlu bersedia menghadapi ekonomi masa depan dalam menuju **Revolusi Industri Keempat (IR 4.0)**. Di peringkat nasional, kerajaan memulakan **Rancangan Fiberisasi dan Penyambungan Nasional (NFCP)** untuk memastikan kesediaan dan penggunaan teknologi **5G** ini.

19. Saya berharap penjawat awam di Daerah Jelebu khususnya dapat mencurahkan bakti dan berkhidmat dengan penuh profesional dan taat setia kepada kerajaan yang memerintah. Sebagai penjawat awam, memang menjadi

kewajipan untuk berkhidmat dengan penuh setia kepada kerajaan yang memerintah. Di samping menjalankan tugas yang ada sepenuhnya janganlah melupakan nilai-nilai integriti yang menjadi pegangan semua penjawat awam.

20. Saya mengakui pimpinan Kerajaan Negeri dan penjawat awam saling bergantung antara satu sama lain. Untuk berjaya kerajaan tidak mungkin bertepuk dengan sebelah tangan. Kuat akar kerana tunjang, kuat tunjang kerana

akarnya. Sehubungan itu, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua penjawat awam termasuk pasukan keselamatan yang telah memberikan komitmen yang tinggi serta kerjasama kepada saya sebagai pemimpin Kerajaan Negeri dalam tempoh hampir setahun Kerajaan Pakatan Harapan memerintah negeri ini.

21. Suka saya mengingatkan semua penjawat awam dalam melaksanakan tugas dan juga ingin mencapai strategi, kita semua hendaklah mengamalkan prinsip bersih dalam konteks pentadbiran kewangan dan ekonomi di

negeri ini. Rancang dan laksanakan pengurusan kewangan dan pembangunan ekonomi negeri dengan rasa penuh tanggungjawab kepada Allah, amanah dan berintegriti. Bebaskanlah diri daripada apa jua unsur penyelewengan, salah guna kuasa, ketirisan dan rasuah.

22. Amanah yang diletakkan di bahu kita semua bersifat inklusif dan meliputi segenap lapisan masyarakat yang memerlukan pembelaan dan dukungan daripada Kerajaan.

Sama-samalah penjawat awam di negeri ini berganding bahu dengan Kerajaan yang ada untuk menunaikan amanah yang ada.

23. Di kesempatan ini juga, saya mengucapkan selamat menunaikan ibadah puasa kepada yang beragama Islam sempena kedatangan Bulan Ramadhan Al-Mubarak tidak lama lagi. Semoga kehadiran Ramadhan ini membawa seribu rahmat untuk kita terus proaktif bekerja dan terus menyampaikan perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan kita.

24. Akhir kalam, sekali lagi saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih dengan penganjuran perhimpunan pada hari ini. Semoga pertemuan sebegini dapat diteruskan lagi pada masa-masa akan datang untuk mengeratkan lagi hubungan kerjasama dua hala antara Kerajaan Negeri bersama penjawat awam di Daerah Jelebu ini.
25. Semoga semua usaha dan kerja kita diterima oleh Allah sebagai bukti pengabdian.

26. Saya akhiri ucapan saya dengan lafaz
Wabillahi Taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

Salam Bersih, Muafakat, Sejahtera